



SEBUAH jentera berat yang terdapat di kawasan persisir pantai Queens Bay Pulau Pinang dipercayai terlibat dengan projek tebus guna tanah.

Penduduk tuntutan penjelasan

PULAU PINANG 21 Feb. - Kecewa dan tidak berpuas hati. Itu antara luahan penduduk di sekitar kawasan Bayan Bay; Bayan Mutiara dan Queens Bay di sini, berhubung rancangan projek pembangunan di pesisir pantai berhampiran kediaman mereka.

Luahan itu juga berikutan tiada sebarang pemberitahuan oleh mana-mana pihak terhadap projek berkenaan yang dipercayai melibatkan kerja-kerja tebus guna tanah di pesisir pantai berhampiran Pusat Beli-Belah Queens Bay.

Menurut Ahli Jawatankuasa Persatuan Penduduk Gold Coast, **Tan Yeow Joo**, pihaknya langsung tidak tahu-menahu berkenaan projek yang sedang dijalankan di kawasan berkenaan.

Tambah beliau, projek terbabit seolah-olah dilakukan secara senyap setelah mendapat bantahan daripada penduduk yang tidak

mahu sebarang projek penambakan laut dilakukan di kawasan berkenaan sebelum ini.

Malah, katanya, tiada sebarang pemberitahuan yang sampai kepada pihaknya dan maklumat yang diperoleh adalah daripada sumber-sumber yang lain.

"Kami ada dengar mengenai projek pembangunan di kawasan kediaman kami tetapi bukan daripada pihak berkuasa sama ada kerajaan negeri atau Majlis Bandaraya Pulau Pinang.

"Mengapa kami sebagai penduduk di kawasan ini yang akan terkesan dengan sebarang pembangunan dirancang mana-mana pihak langsung tidak diberitahu? Mana hilangnya prinsip Cekap, Telus dan Akauntabiliti (CAT) kerajaan negeri," katanya.

Sementara itu, seorang pen-

duduk yang ingin dikenali sebagai **E.S. Tan** berkata, kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan (PBT) seolah-olah meminggirkan suara penduduk yang telah berkali-kali membantah projek tambak laut di kawasan terbabit sebelum ini.

Menurutnya, bantahan itu pernah disuarakan ketika sesi dialog bersama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) kawasan tersebut.

"Kami terkejut dengan apa yang sedang berlaku di pesisir pantai itu ketika ini dan lebih membimbangkan tiada apa-apa maklumat secara rasmi yang sampai kepada kami sehingga ke hari ini," ujarnya.

Menurutnya, penduduk di situ berharap pihak berkenaan segera tampil menjelaskan projek berkenaan dan memberi jaminan projek itu tidak akan mendatangkan kesan terhadap kehidupan mereka.